

PROGRAM KURSUS SECARA SAMBILAN (KSS)

PENGENALAN

Politeknik Merlimau (PMM) merupakan politeknik ke-14 yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merealisasikan wawasan negara bagi melahirkan lebih ramai lagi tenaga kerja separa profesional seperti yang termaktub dalam kenyataan misi Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ianya terletak di daerah Jasin, 2km dari pekan Merlimau, 24km dari bandar Melaka dan 19km dari bandar Jasin dengan keluasan sebanyak 100 ekar. PMM mempunyai 43 blok bangunan yang terdiri daripada bangunan pejabat, bilik kuliah, makmal, bengkel, kamsis, bilik hotel, pusat sukan, Pusat Islam, perpustakaan, kantin, kafeteria dan sebagainya.

Bermula dengan menumpang di Politeknik Melaka (*dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Melaka*), PMM mula beroperasi di kampus baru mulai pada 17 November 2002 dan telah mula mengambil pelajar perintis seramai 523 orang pelajar pada Sesi Disember 2002. Mempunyai kapasiti maksimum seramai 5060 orang pelajar, kini PMM telah beroperasi sepenuhnya setanding dengan Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang lain dan menjadi salah satu nukleus yang penting kepada pembangunan di Merlimau.



Gambar-gambar pembinaan kampus tetap Politeknik Merlimau

PMM mempunyai Visi dan Misinya yang tersendiri dimana Visi PMM adalah Penjana Utama Modal Insan Melalui Pendidikan Dan Latihan Transformasional Bagi Memenuhi Keperluan Tenaga Kerja Global Menjelang 2015. Manakala Misi PMM adalah Menerobos Sempadan Untuk Membina Persekitaran Pembelajaran Transformatif Dan Kreatif Ke Arah Menjana Ekonomi Yang Dipimpin Inovasi.

PROGRAM KURSUS SECARA SAMBILAN (KSS)

PROGRAM KURSUS SECARA SAMBILAN

Program Diploma Secara Sambilan yang ditawarkan di Politeknik Merlimau membolehkan pelajar-pelajarnya mengikuti kuliah/pembelajarannya di hujung minggu tanpa perlu meninggalkan tugas/jawatan yang dimiliki untuk terus belajar serta meningkatkan pengetahuan dan kelayakan akademik melalui konsep “Learn As You Earn”. Diploma yang bakal dianugerahkan adalah setara setaraf dengan Diploma Sepenuh masa jurusan yang sama yang ditawarkan oleh Politeknik KPTM. Sukatan pelajaran yang digunapakai telah diluluskan oleh Lembaga Kurikulum di peringkat KPTM adalah sukatan pelajaran yang sama bagi pelajar sepenuh masa bagi jurusan berkenaan. Sukatan pelajaran ini digubal dan dikaji dari masa ke semasa oleh pakar-pakar dalam bidang berkenaan bagi memastikannya sesuai dan mampu melahirkan bakal pembantu jurutera yang kompeten dan berketrampilan sejajar dengan pembangunan negara.

Lulusan Diploma program KSS ini juga mempunyai peluang untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di universiti-universiti tempatan atau luar negara. Pelaksanaan program ini adalah sebagai mendokong prinsip *Pembelajaran Sepanjang Hayat* dan *Pendemokrasian Pendidikan* Pembelajaran sepanjang hayat mempunyai konsep untuk memenuhi keperluan individu dan guna tenaga di samping mewujudkan warganegara yang aktif dan kesaksamaan sosial. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) telah memberikan penekanan kepada penggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dengan menyediakan kemudahan untuk menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran walaupun selepas tamat pendidikan dan latihan formal.

OBJEKTIF

Memberi peluang kepada semua warga Malaysia yang berkelayakan dan sedang bekerja untuk mengikuti kuliah di hujung minggu serta menambah pengetahuan dan kemahiran dan meningkatkan kelayakan tanpa meninggalkan pekerjaan mereka melalui konsep “Learn As You Earn”

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Terdapat **7 program** Kursus Secara Sambilan yang ditawarkan di Politeknik Merlimau:

Program	Kod Program
1. Diploma Kejuruteraan Mekanikal	DKM
2. Diploma Kejuruteraan Elektrik	DET
3. Diploma Kejuruteraan Awam	DKA
4. Diploma Ukur Tanah	DUT
5. Diploma Pengurusan Hotel dan Katering	DHK
6. Diploma Pengurusan Pelancongan	DUP
7. Diploma Pengajian Perniagaan	DPM

PROGRAM KURSUS SECARA SAMBILAN (KSS)

SYARAT KELAYAKAN MASUK

1) Warganegara Malaysia

2) BIDANG PENGAJIAN

A. Bidang Kejuruteraan

Lulus SIJIL POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN / KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) sekurang-kurangnya 2.00;

atau

Lulus SPM atau yang setaraf, dengan sekurang-kurangnya kredit dalam TIGA (3) mata pelajaran, termasuk Matematik dan SATU (1) mata pelajaran lain berkaitan sains / teknikal / vokasional DAN lulus Bahasa Inggeris;

atau

Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setaraf, dengan kelulusan dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan SATU (1) mata pelajaran berkaitan sains /teknikal / vokasional pada peringkat SPM;

atau

Sijil Vokasional dan Teknikal / Kemahiran yang diiktiraf atau setaraf, dengan pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan selama SATU (1) tahun.

B. Bidang Teknologi Maklumat

Lulus SIJIL POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN / KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) sekurang-kurangnya 2.00

atau

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara dengan sekurang-kurangnya tiga (3) kredit, termasuk mata pelajaran Matematik;

atau

Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setara dengan sekurang – kurangnya satu (1) prinsipal dalam mana-mana mata pelajaran DAN kredit dalam mata pelajaran Matematik pada peringkat SPM;

atau

Sijil Teknikal / Vokasional yang berkaitan yang diiktiraf atau setara dengan satu (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan atau satu (1) semester program peralihan.

PROGRAM KURSUS SECARA SAMBILAN (KSS)

C. Bidang Perdagangan

Lulus SIJIL POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN / KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) sekurang-kurangnya 2.00

atau

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara dengan sekurang-kurangnya tiga (3) kredit

atau

Sijil Teknikal / Vokasional yang berkaitan yang diiktiraf atau setara dengan satu (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan atau satu (1) semester program peralihan

D. Bidang Hospitaliti

Lulus SIJIL POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN / KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) sekurang-kurangnya 2.00

atau

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara dengan sekurang-kurangnya tiga (3) kredit

atau

Sijil Teknikal / Vokasional yang berkaitan yang diiktiraf atau setara dengan satu (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan atau satu (1) semester program peralihan.

TEMPOH PENGAJIAN DAN WAKTU KULIAH

Program ini akan dilaksanakan selama **8 - 11 semester** dan kuliah dijalankan pada setiap hari Sabtu dan Ahad kecuali pada Minggu Cuti Semester dan Cuti Pelepasan Am yang jatuh pada hari tersebut. Bagi lepasan Sijil Politeknik/Kolej Komuniti/dan lain-lain institusi **tiada pengecualian modul diberikan**. Pelajar dikehendaki mengambil semua modul yang telah ditetapkan oleh Bahagian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik.

STRUKTUR DAN SISTEM PENILAIAN

Struktur dan sistem penilaian adalah sama seperti kursus diploma sepenuh masa. Markah Penilaian Berterusan adalah sebanyak **50%** yang diperolehi daripada penilaian berbentuk kuiz, ujian, tugasan dan amali makmal manakala baki 50% lagi adalah daripada markah yang diperolehi daripada Peperiksaan Akhir.

KEMUDAHAN

Pelajar-pelajar Kursus Secara Sambilan juga berpeluang menggunakan semua kemudahan sedia ada di PMM seperti perpustakaan, penggunaan bilik komputer, penggunaan Pusat Islam, padang permainan, kantin/kafetaria dan sebagainya. Politeknik Merlimau juga mempunyai kemudahan penginapan iaitu Tun Teja Suite yang boleh disewa dengan kadar yang berpatutan.

PROGRAM KURSUS SECARA SAMBILAN (KSS)

PERMOHONAN KSS

Borang Permohonan kemasukan boleh diperolehi daripada:

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan,
Politeknik Merlimau,
Jalan Jasin, 77300
Merlimau, Melaka
Tel: 06-2636687
Faks: 06-2636678

Atau
Layari Laman Web: <http://pmm.edu.my>

PERTANYAAN:

Sebarang pertanyaan bagi program ini , sila hubungi:

1. **Pn. Nor Asilah binti Surip**, *Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan*
Tel : 06-263 6687 samb 2054 atau email: asilah@pmm.edu.my
2. **Pn. Fauziah binti Aliman**, *Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan*
Tel : 06-263 6687 samb 2055 atau email: fauziah_aliman@pmm.edu.my

PETA LOKASI POLITEKNIK MERLIMAU

